

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 8 Mac 2021 7:44 ptg
To: UUM - All Staff
Subject: Notis Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UUM - Isu Berkaitan Pentadbiran Akademik bagi Pelaksanaan Pengajaran, Pembelajaran dan Pentaksiran bagi Program Sarjana Muda Semester Kedua Sesi 2020/2021 (A202)
Attachments: notis PdP akademik A202 BM.pdf; Lampiran A.pdf; Lampiran B.pdf



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

8 MAC 2021 / 24 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:

NOTIS
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

ISU BERKAITAN PENTADBIRAN AKADEMIK BAGI PELAKSANAAN
PENGAJARAN, PEMBELAJARAN DAN PENTAKSIRAN BAGI
PROGRAM SARJANA MUDA
SEMESTER KEDUA SESI 2020/2021 (A202)

Berikutan penularan wabak Covid-19 yang masih belum reda, Universiti telah bersetuju supaya pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester Kedua Sesi 2020/2021 (202) bagi pelajar **Sarjana Muda** diteruskan dengan membuat beberapa ketetapan seperti berikut:

1.0 Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran

- 1.1 PdP bagi Semester Kedua 2020/2021 (A202) akan diteruskan secara hibrid iaitu kombinasi antara kaedah dalam talian atau kaedah *remote learning* dan secara bersemuka.
- 1.2 Hanya 15 kursus yang melibatkan 22 kumpulan akan diadakan secara bersemuka dengan pematuhan kepada SOP yang ketat seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
- 1.3 Notis ini perlu dibaca bersama-sama notis dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A) berkaitan Kemasukan Pelajar Ke Kampus Bagi Urusan PdP Secara Bersemuka bertarikh 4 Februari 2021.

2.0 Penyediaan Rancangan Pengajaran (*Scheme of Work*)

2.1 Kursus Secara Bersemuka

- 2.1.1 Pensyarah menyediakan Rancangan Pengajaran berdasarkan silibus kursus asal (seperti di dalam sistem *Outcome Based Education (OBE)* UUM).
- 2.1.2 Pensyarah dipohon untuk mematuhi perancangan Rancangan Pengajaran yang telah disediakan.
- 2.1.3 Bagi menggunakan sistem OBE ini, Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) akan mengadakan Bengkel Pemantapan Silibus dan Pentaksiran kepada semua pensyarah

yang terlibat dengan pengajaran secara bersemuka bagi Semester A202.

2.2 Kursus Secara Dalam Talian/Remote Learning

- 2.2.1 Pensyarah perlu menyediakan Rancangan Pengajaran selaras dengan kaedah PdP secara dalam talian/kaedah *remote learning* berdasarkan kategori capaian internet pelajar.
- 2.2.2 Rancangan Pengajaran tersebut perlu didokumentasikan (dalam format docx, pdf atau Excel) bagi tujuan rekod dan pelaporan audit di masa hadapan menggunakan borang seperti di **Lampiran A**.
- 2.2.3 Pensyarah perlu mematuhi pelaksanaan Rancangan Pengajaran yang telah disediakan.
- 2.2.4 Tiada perubahan perlu dibuat di dalam Sistem OBE.

3.0 Pentaksiran

3.1 Kursus Secara Bersemuka

- 3.1.1 Pentaksiran yang dilakukan adalah sepertimana yang terdapat di dalam silibus kursus asal dan juga sepertimana yang dinyatakan di dalam sistem OBE.
- 3.1.2 Semua markah pentaksiran perlu menggunakan sistem OBE sepenuhnya bagi melengkapkan proses *assurance of learning*.
- 3.1.3 Bagi menggunakan sistem OBE ini, Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) akan mengadakan Bengkel Pemantapan Silibus dan Pentaksiran kepada semua pensyarah yang terlibat dengan pengajaran secara bersemuka bagi Semester A202.
- 3.1.4 Pelaksanaan pentaksiran perlu dilakukan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pelan Pentaksiran.

3.2 Kursus Secara Dalam Talian/Remote Learning

- 3.2.1 Pentaksiran boleh diubah sama ada 100% kerja kursus ataupun mempunyai komponen Peperiksaan Akhir dengan mengambilkira kesediaan dan keupayaan semua pelajar untuk melaksanakan pentaksiran tersebut dan perubahan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- 3.2.2 Pelan Pentaksiran yang disediakan hendaklah sejajar dengan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO), kaedah PdP dan jam pembelajaran pelajar (SLT).

3.2.3 Penyelaras Kursus hendaklah mendokumentasikan Pelan Pentaksiran tersebut (dalam format docx, pdf atau Excel) dan menyerahkan dokumen tersebut kepada Dekan Pusat Pengajian masing-masing. Format perubahan Pelan Pentaksiran adalah seperti di **Lampiran B**.

3.2.4 Pelaksanaan pentaksiran perlu dilakukan sepertimana yang dinyatakan di dalam Pelan Pentaksiran.

3.2.5 Pensyarah akan memasukkan markah pentaksiran menggunakan sistem Portal UUM. Kemasukan markah melalui sistem OBE bagi semester A202 ditangguhkan dahulu.

4.0 Halangan menduduki peperiksaan

4.1 Bagi kursus yang dijalankan secara dalam talian, peraturan halangan menduduki peperiksaan bagi pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran ke kuliah tidak akan dilaksanakan.

4.2 Kehadiran pelajar ke kuliah masih perlu diambil melalui pelbagai kaedah oleh pensyarah masing-masing sebagai persediaan kepada audit. Kreativiti pensyarah diperlukan bagi menangani isu ini.

4.3 Bagi kuliah yang diadakan secara bersemuka, pematuhan kepada peraturan 80% kehadiran adalah perlu dan pelajar boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan sekiranya tidak mematuhi peraturan tersebut.

5.0 Penilaian e-CEvaS

5.1 Penilaian kursus (e-CEvaS) bagi kursus secara dalam talian/*remote learning* telah mula dilaksanakan bagi Semester A201. Penilaian yang sama akan diteruskan bagi Semester Kedua Sesi 2020/2021 (A202).

5.2 Penilaian bagi kursus secara bersemuka akan menggunakan e-CEvaS asal.

6.0 Pemakluman Markah Kursus Kepada Pelajar/Semakan Semula Keputusan Peperiksaan

6.1 Pensyarah diwajibkan untuk mempamerkan markah kerja kursus kepada pelajar pada minggu ke-11 seperti berikut:

6.1.1 Antara 40% - 60% markah kerja kursus bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir (100% kerja kursus)

6.1.2 Sekurang-kurangnya 50% daripada markah keseluruhan yang diambil daripada markah komponen kerja kursus bagi kursus-kursus yang mempunyai pecahan seperti 50:50, 60:40 dan 70:30 (kerja kursus:peperiksaan akhir).

6.1.3 Semakan semula keputusan peperiksaan untuk kursus yang tiada peperiksaan akhir hanya akan melibatkan markah yang belum dipamerkan kepada pelajar manakala bagi kursus yang mempunyai komponen peperiksaan akhir, semakan adalah bagi komponen peperiksaan akhir sahaja.

6.1.4 Peraturan ini tidak meliputi Kertas Ilmiah, Kertas Projek, Projek Penyelidikan dan Praktikum

7.0 Waktu Perundingan Pelajar

- 7.1 Pensyarah perlu meneruskan waktu perundingan yang dirancang pada setiap semester secara dalam talian bagi bagi kursus yang diadakan secara dalam talian/*remote learning*.
- 7.2 Pelajar perlu dimaklumkan mengenai masa perundingan tersebut agar pelajar dapat mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghubungi pensyarah masing-masing.
- 7.3 Bagi kuliah yang diadakan secara bersemuka, waktu perundingan perlu diteruskan sebagaimana yang diamalkan pada masa sebelum Covid-19 melanda. Walau bagaimanapun, pelajar yang menghadiri kuliah secara bersemuka juga boleh menghubungi pensyarah secara dalam talian bagi tujuan perundingan.

8.0 Plagiat Bagi Pelajar Sarjana Muda

- 8.1 Pensyarah adalah dipohon untuk mewajibkan pelajar untuk membuat semakan ke atas ketulenan tugas yang dikemukakan menggunakan perisian *Turnitin* sekiranya terdapat kesangsian terhadap tugas tersebut.
- 8.2 *Similarity index* yang dicadangkan adalah tidak melebihi 20%. Ini adalah bagi mengelakkan plagiat berleluasa dalam kalangan pelajar.
- 8.3 Pensyarah disyorkan untuk membina soalan peperiksaan dan tugas berdasarkan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) seperti mana yang dinyatakan dalam silibus kursus.
- 8.4 Bagi mengelakkan plagiat berlaku samada pentaksiran secara bersemuka atau dalam talian, pensyarah dikehendaki membina soalan sendiri dengan mengambilkira CLO bagi mengelakkan skema jawapan diperolehi dari dalam talian/laman web.
- 8.5 Tugas dan soalan peperiksaan juga disarankan berbentuk pentaksiran alternatif dan relevan kepada pelajar.
- 8.6 Kesemua langkah tindakan ini adalah untuk mengelakkan kecurangan akademik dari segi penipuan peperiksaan dan plagiat.

9.0 Penghantaran Tugas kepada Pensyarah

- 9.1 Pensyarah adalah dipohon untuk memberi pertimbangan mengenai kaedah penghantaran tugas pelajar secara dalam talian atau secara luar talian/fizikal tertakluk kepada kemampuan pelajar untuk berbuat demikian.
- 9.2 Pensyarah dipohon untuk memberi tambahan masa kepada pelajar yang membuat pentaksiran secara dalam talian, iaitu sekurang-kurangnya 15 minit sebelum pentaksiran bagi tujuan penyediaan dan 15 minit selepas pentaksiran bagi tujuan penghantaran jawapan pentaksiran.
- 9.3 Pensyarah adalah digalakan untuk memaksimumkan penggunaan *UUM Online Learning*.

10.0 Waktu Kuliah

- 10.1 Pensyarah dipohon untuk mengadakan kuliah/pentaksiran di dalam waktu kuliah yang telah ditetapkan sahaja.
- 10.2 Mengadakan kuliah/pentaksiran di luar waktu kuliah seperti pada *Study Week* ataupun pada Cuti Pertengahan Semester walaupun mendapat persetujuan pelajar adalah **tidak dibenarkan**.

11.0 Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU)

- 11.1 Pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik akan menyalurkan maklumat mengenai kehadiran pelajar OKU di dalam kursus-kursus berkaitan kepada pihak Pusat Pengajian pada setiap semester.
- 11.2 Maklumat tersebut akan dimaklumkan kepada pensyarah berkenaan dan pensyarah diminta untuk memberi perhatian yang sewajarnya terhadap pelajar OKU tersebut terutama sekali sekiranya kursus tersebut diadakan secara atas talian.

12.0 Peraturan sedia ada


- 12.1 Peraturan sedia ada adalah terpakai dari aspek gugur tambah kursus, tangguh pengajian, tarik diri kursus dan lain-lain peraturan akademik sedia ada.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Utara Malaysia
8 Mac 2021



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.